

26 AUG 1998

IKIM-SEMINAR/I

IKIM AKAN ANJUR SEMINAR MENGENAI PERKHIDMATAN KEWANGAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) akan menganjurkan seminar tiga hari mengenai "Perkhidmatan dan Produk Kewangan Islam" di IKIM bermula dari 27-29 Ogos ini.

Pengerusinya Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid berkata kira-kira 200 peserta dijangka menghadiri seminar itu yang akan menyediakan landasan bagi memperkenalkan dan mengukuhkan pembangunann kewangan Islam.

"Seminar itu akan mengkaji kedudukan produk dan perkhidmatan kewangan Islam serta isu berkaitan dengannya, daripada sudut pandangan syarikat," katanya kepada sidang akhbar di sini hari ini.

Beliau berkata seminar itu antara lainnya akan menyentuh mengenai insurans dan insurans semula, dagangan niaga hadapan, unit amanah, pelaburan dan penjualan hutang serta dasar kewangan dan fiskal dalam perspektif Islam.

"Kami mahu menyampaikan kepada pekerja-pekerja mahir mengenai kefahaman perbankan dan kewangan Islam yang betul di atas prinsip-prinsip undang-undang Islam dan amalan moden," kata Ahmad Sarji.

Ahmad Sarji juga menyatakan penekanan lain seminar itu adalah untuk mengukuhkan kefahaman bahawa kewangan, insurans dan pelaburan adalah perkara-perkara yang disyorkan oleh Islam dan sejajar dengan prinsip-prinsip syarikat.

Para penceramah adalah dari institusi perbankan Islam tempatan dan luar negara termasuk Sudan, Arab Saudi, United Kingdom dan Syria.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapannya di hari terakhir seminar yang kemudiannya diikuti oleh sesi dialog dengan peserta-peserta.

Apabila diminta memberikan pandangannya berhubung masa depan perbankan Islam di Malaysia, Ahmad Sarji berkata: "Masih terdapat banyak ruang untuk berkembang dan apa yang pasti masa depannya (perbankan Islam) adalah cerah kerana masyarakat bukan Islam telah menunjukkan minat mereka dalam produk dan perkhidmatan perbankan Islam.

--BERNAMA

AA ZK OS